

Staf UTHM sertai kursus kaunseling

JOHOR BAHRU 2 Ogos - Seramai 20 kakitangan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia yang merupakan bakal Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam Malaysia (Akrab) mengikuti Kursus Peningkatan Kemahiran Kaunseling di Ismah Beach Resort Pantai Kemunting, Melaka, baru-baru ini.

UTHM dalam satu kenyataan memberitahu, Kursus Peningkatan Kemahiran Kaunseling Tahap 1 & 2 kali keempat itu anjuran Pejabat Pendaftaran dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Antara pengisian program yang dijalankan adalah slot ceramah kemahiran kaunseling oleh lima pegawai psikologi di pelbagai jabatan kerajaan dari Putrajaya.

"Ceramah yang disampaikan memberi fokus kepada modul seperti pengenalan kaunseling, hubungan kaunselor dan pelanggan, kaunseling dalam perkhidmatan awam, kemahiran asas kaunseling, diagnosis masalah, etika dan akta kaunselor.

"Selain itu, ia juga mengenengahkan modul kaunseling individu, kaunseling kelompok, pengurusan dan pentadbiran kaunseling, pengenalan kesihatan mental, pengurusan tekanan dan emosi, pengurusan bakat dan konsep dan pelaksanaan Akrab," demikian menurut kenyataan berkenaan.

Semua peserta kemudian menduduki ujian pada akhir seminar bagi melayakkan mereka menjadi ahli Akrab.

Keanggotaan Akrab UTHM kini seramai 92 orang termasuk ahli yang sedang cuti belajar.